

Headline **Teras Teknologi sasar pendapatan RM350 juta**
Date **24. Mar 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **23**
Section **Ekonomi** Article Size **333** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Teras Teknologi sasar pendapatan RM350 juta

Peningkatan hasil akan disokong usaha pembangunan pelbagai produk

TERAS Teknologi Sdn Bhd, penyedia perkhidmatan teknologi, mensasarkan pendapatan sebanyak RM350 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, meningkat lebih 600 peratus daripada RM47 juta tahun sebelumnya.

Pengurus Kanan Jualan dan Pemasarannya, Nazamil Mohamad Nazaruddin, berkata peningkatan ketara pendapatan itu akan disokong usaha pengembangan merangkumi pembangunan pelbagai produk serta penyelesaian terbaru dan tumpuan terhadap pembangunan modal insan.

Katanya, syarikat itu akan memberi tumpuan terhadap pengukuhan pasaran tempatan dan pada masa sama meneroka peluang meluaskan operasinya di luar negara.

"Kami akan bergerak pantas seiring pertumbuhan teknologi dalam menampilkan lebih banyak penyelesaian dan produk berinovasi terkini," katanya kepada *Berita Harian* di Kuala Lumpur.

Teras Teknologi yang memiliki kemudahan pengeluaran di Puchong,

Selangor mempunyai keupayaan dan kepakaran setanding antarabangsa dalam menghasilkan produk dan penyelesaian sistem kutipan tol, kad pintar, sistem akses dan perkhidmatan teknologi maklumat (IT).

Nazamil berkata, walaupun berdepan persaingan syarikat luar negara, teknologi dan produk yang dihasilkan menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang kukuh meletakkan syarikat sebagai pilihan ut-

ma pelanggan.

Antara pelanggan Teras Teknologi ialah Plus Expressways Bhd, Nadi-putra, Keretapi Tanah Melayu Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Time, UEM Group, Khazanah Nasional Bhd.

Beliau berkata, tahun ini syarikat merancang memperkenalkan produk Touch 'n Go di premis peruncitan dan pengangkutan awam.

"Projek perintis kad Touch 'n Go untuk pengangkutan awam sedang di-

jalankan di Pulau Pinang," katanya.

Mengenai masa depan, Nazamil berkata pihaknya merancang menghasilkan teknologi berkaitan penyelesaian keselamatan dan penyelesaian enterpris yang lebih meluas.

Nazamil yang juga antara kakitangan perintis Teras Teknologi berkata, sejak beroperasi 11 tahun lalu, syarikat itu berkembang pesat daripada penyelesaian terurus merangkumi perkhidmatan pengurusan IT kepada sistem pembayaran elektronik seperti kutipan tol serta sistem letak kereta.

Kini, syarikat memperluaskan operasinya dalam penyelesaian berkaitan kawalan dan pengawasan merangkumi teknologi kad pintar, akses pintu, pembaca kad dan cip pengenalan frekuensi radio (RFID) RFID, katanya.

Teras Teknologi juga mengendalikan pelbagai kontrak bernilai kira-kira RM500 juta sepanjang tempoh ia beroperasi.

Di luar negara, ia turut terabit dalam penyediaan penyelesaian sistem kutipan tol di India dan Filipina, selain kini mengendalikan projek perintis sistem kutipan tol di Indonesia.

“Kita (rakyat Malaysia) mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam menghasilkan inovasi terkini, malah lebih baik daripada syarikat antarabangsa”

Nazamil Mohamad Nazaruddin

Pengurus Kanan Jualan dan Pemasaran Teras Teknologi Sdn Bhd

